

# Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri diberi suntikan baharu

Pelaksanaan yang baru sahaja bermula hari ini menyiaran ucapan yang disampaikan Adly telah menerima sokongan hebat penjawat awam yang menyaksikannya di lokasi pekerjaan masing-masing.

**Faiz Hasan** 21 hours ago . 3 Feb 2020

AYER KEROH 3 Feb. – Rata-rata penjawat awam di negeri ini hari ini menyaksikan Amanat Februari 2020 disampaikan Ketua Menteri Adly Zahari yang disiarkan secara langsung di laman Facebook, pagi tadi.

Amanat yang merupakan pengisian kepada program Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri telah mencipta kelainan pada tahun ini dengan menjadikan medium laman maya sebagai platfrom interaksi kerajaan negeri dengan penjawat awam.

Perhimpunan yang diadakan sebelum ini menghimpunkan penjawat awam negeri di Seri Negeri telah disuntik kelainan bagi menyampaikan amanat berkaitan dasar-dasar kerajaan yang membawa kewibawaan Melaka dengan lebih mudah.

Pelaksanaan yang baru sahaja bermula hari ini menyiaran ucapan yang disampaikan Adly telah menerima sokongan hebat penjawat awam yang menyaksikannya di lokasi pekerjaan masing-masing.

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) antara agensi yang memberi sokongan kepada perlaksanaan terbabit malah rata-rata jabatan dari agensi itu meluangkan masa di pejabat bagi melihat amanat disampaikan Adly.

Menerusi hantaran laman Unit Media MBMB menyatakan amanat itu telah ditonton oleh kesemua kakitangannya termasuk pengurusan tertinggi agensi itu.

Malah, pihaknya turut mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang menjadikan perlaksanaan itu sebagai perintis kepada media baharu bagi menyalurkan maklumat kepada penjawat awam negeri.